



LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans Keperluan Peribadi – Perlindungan untuk Wanita

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Keperluan Peribadi – Perlindungan untuk Wanita. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah produk insurans ini?

Produk ini direka khas untuk wanita sahaja. Produk ini akan membayar pampasan kepada anda bagi kecederaan tubuh badan yang disebabkan oleh kemalangan yang berlaku secara bebas daripada sebarang sebab lain menyebabkan anda hilang upaya kekal dan putus anggota badan atau atau sekiranya berlaku kematian kepada waris anda yang namakan atau wakil peribadi undang-undang anda.

2. Apakah perlindungan/faedah yang diberikan?

Anda boleh memilih mana-mana antara 2 pelan iaitu pelan Emas dan pelan Perak. Had jumlah yang diinsuranskan bagi pelan Emas adalah RM200,000.00 manakala bagi pelan Perak ialah RM100,000.00. Kedua-dua pelan dikategorikan mengikut empat (4) gaya hidup yang berbeza. Manfaat di bawah setiap kategori adalah berbeza bergantung kepada pelan yang anda pilih.

Produk ini meliputi:

Seksyen 1	<ul style="list-style-type: none">▪ Kematian Akibat Kemalangan▪ Perbelanjaan Pengkebumian▪ Hilang Upaya Kekal dan Putus Anggota Badan
Seksyen 2	<ul style="list-style-type: none">▪ Pembedahan Muka & Pergigian▪ Ragut / Pengeluaran ATM▪ Manfaat Hospital<ul style="list-style-type: none">➢ Pendapatan Hospital➢ Elaun Pemulihan
Seksyen 3 (Manfaat berbeza bergantung kepada jenis pelan yang diambil)	<ul style="list-style-type: none">▪ Khidmat Negara▪ Sukan / Kembara▪ Penjagaan Kanak-Kanak▪ Perkhidmatan Pembantu Rumah▪ Cuti Untuk Pemulihan▪ Peralatan Perubatan▪ Penjagaan Kejururawatan

Nota: Sila rujuk kepada sampel kontrak polisi bagi manfaat yang diberikan untuk setiap gaya hidup yang berbeza dan skala manfaat bagi kematian akibat kemalangan dan hilang upaya/putus anggota badan.

Tempoh perlindungan ialah 1 tahun. Insurans ini boleh diperbaharui setiap tahun.

Perlindungan secara berterusan 24 jam. Batasan Wilayah adalah Seluruh Dunia.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Terdapat 2 pelan yang disediakan, premium yang dikenakan bergantung kepada pelan yang dibeli. Sila rujuk risalah produk untuk premium yang dikenakan bagi setiap pelan.

4. Apakah jenis yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan caj-caj yang anda perlu bayar ialah:

Jenis	Amaun
Cukai Perkhidmatan	6% daripada premium
Duti Setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara	10% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

Had umur

- 16 tahun hingga 65 tahun, diperbaharui sehingga 70 tahun.
- Pihak Diinsuranskan yang berumur 16 tahun dan ke atas tetapi di bawah umur 18 tahun mesti mendapatkan kebenaran ibu bapa/penjaga sebelum membeli Polisi insurans ini.

Kepentingan Pendedahan

- MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadi kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- Jika terdapat apa-apa perubahan dalam profil kehidupan anda termasuk pekerjaan dan perihal kegiatan peribadi, anda perlu memaklukkannya kepada kami dengan segera.

Pampasan / Tanggung Rugi

- Kami akan membayar pampasan kematian akibat kemalangan atau kecederaan (Hilang Upaya Kekal / Putus Anggota Badan) menurut "Jadual Manfaat" yang dilampirkan bersama polisi.

Penamaan / Penyerahan Hak

- Anda dinasihatkan untuk menamakan seseorang penama dan memastikan bahawa penama itu tahu mengenai polisi yang telah anda beli.

Tunai Sebelum Perlindungan

- Adalah menjadi syarat asas dan khas mutlak kontrak insurans ini bahawa premium yang patut dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh Kami sebelum perlindungan bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka polisi insurans ini adalah secara automatik batal dan tidak sah.

Prosedur Tuntutan

- Apabila membuat tuntutan, anda harus memberikan kami notis bertulis dalam tempoh 14 hari selepas anda mengalami kecederaan anggota badan. Dalam kes kematian, waris atau benefisiari anda hendaklah memberikan notis yang munasabah kepada kami sebelum pengkebumian atau pembakaran mayat.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh:

- Risiko perang dan berkaitan;
- Bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau sebarang percubaan sedemikian;
- AIDS;
- Melahirkan anak, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasi lain daripadanya;
- Menjadi krew semasa dalam perjalanan di dalam pesawat atau kapal;
- Perbuatan Jenayah;
- Sebarang aktiviti sukan profesional;
- Kemalangan radioaktif dan kemalangan bahan senjata nuklear;
- Ketika melibatkan diri di dalam pergaduhan;
- Keganasan;
- Kecacatan atau kelemahan fizikal, sebarang jenis sawan, sakit, atau penyakit yang sedia ada;
- Ketika melakukan tugas aktif untuk mana-mana yang berikut:
Pelumba, ahli sukan profesional, pekerja luar pesisir, pelaut, pembalak, anak kapal, nelayan, joki lumba kuda, penghibur profesional, pembuat/pengendali bahan letupan, kelasi, juruterbang dan pemandu ujian, pemungkah, penyelam profesional, ahli bomba, pekerja bawah tanah, ahli pasukan bersenjata, perkhidmatan atau operasi tentera laut atau udara, pasukan polis dan khidmat menyelamat.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terkandung di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, kami akan mengekalkan premium mengikut *Jadual Tempoh Pendek (seperti di bawah) untuk tempoh polisi yang telah berkuatkuasa dan kami akan membayar balik kepada anda bagi tempoh polisi yang tidak tamat tempoh. Tiada bayaran balik premium dibenarkan sekiranya terdapat tuntutan di bawah polisi ini. Sebarang premium minimum yang dibayar di bawah polisi ini tidak dikembalikan.

***Jadual Tempoh Pendek**

Tempoh Tidak Melebihi	Bayaran Balik Premium Tahunan
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan kepada maklumat terperinci (termasuk penama dan/atau pemegang amanah) bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Dimanakah boleh saya mendapatkan maklumat yang lebih lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Kemalangan Diri', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah salinan daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmGeneral Insurance Berhad

Menara Shell,
No. 211, Jalan Tun Sambanthan,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
Talian Bebas : 1-300-80-3030
E-mel : customer@amassurance.com.my
Laman Web : www.amassurance.com.my

10. Lain-lain jenis Perlindungan Insurans Serupa yang Ada

Sila rujuk cawangan kami yang berdekatan anda serta ejen-ejen untuk maklumat lanjut.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN KEPADA SKALA FAEDAH UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 1 September 2018.